



**DASAR CETEK:** Sungai Damansara melimpah menyebabkan Lebuhraya Persekutuan dinaiki air ketika hujan lebat di sekitar Shah Alam.

# Sungai dikorek atasi banjir

Projek mendalamkan Sungai Damansara, tinggikan ban babitkan kos RM3.9 juta dijangka siap 2007

Oleh Wan Jailani Razak

**S**HAH ALAM: Projek menaik taraf Sungai Damansara dan Sungai Air Kuning, membabitkan kos RM3.9 juta bagi menangani banjir di bandar raya ini, sekali gus meredakan trauma yang dialami penduduk yang menjadi mangsa bencana alam itu sebelum ini, kini bermula.

Projek yang ditawarkan kepada Pewara Holdings Sdn Bhd bermula 14 November lalu dengan kos dibiayai Kerajaan Pusat itu dijangka siap pada 27 Ogos tahun depan.

Antara komponen projek itu ialah pengorekan seksyen sungai sepanjang 13 kilometer, pembuangan kelodak sungai dan meninggikan ban sedia ada.

Berikutan pelaksanaan projek itu, masalah banjir di sekitar bandar raya ini dijangka dapat dikurangkan, manakala keupayaan sistem saliran dapat ditingkatkan.

Menjelaskan projek itu, Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Datuk Keizrul Abdullah, berkata pengorekan semula itu amat perlu berikutan dasar sungai sudah cetek disebabkan aliran pendedapan daripada pembangunan yang dilakukan dalam kawasan tadahannya.

Katanya, Sungai Damansara kali terakhir dikorek pada 2002.

"Saya harap kerja menaik taraf sungai ini dapat disiapkan lebih awal daripada tempoh kontrak 40 minggu," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan upacara pecah tanah projek itu, di sini, kelmarin.

Pada 26 Februari lalu, dianggarkan 1,000 hektar kawasan meliputi TTDI Jaya, Kampung Bunga, Kampung Melayu Subang, Lebuhraya Persekutuan, Lebuhraya Baru Lembah Klang (NKVE) dan Pasaraya Mikro serta Giant di sini terba-

**“JPS melaksanakan beberapa langkah awal seperti memberi amaran banjir menerusi khidmat pesanan ringkas (SMS), menyediakan sistem pam sementara di TTDI Jaya dan memperkukuhkan ban di Kampung Kebun Bunga”**

**Keizrul Abdullah**  
Ketua Pengarah JPS

## FAKTA NOMBOR

Sungai Damansara

**148km<sup>2</sup>**

Tadahan

**19km**

Panjang

bit dengan banjir besar.

Hujan lebat selama dua jam menyebabkan air Sungai Damansara melimpahi tebing dan menaiki kira-kira 3,000 rumah dan memaksa 11,000 penduduk dipindahkan.

Paras air Sungai Damansara di TTDI Jaya ketika itu mencecah 8.35 meter iaitu 1.05 meter melebihi paras bahaya yang direkodkan. Di kebanyakan kawasan, paras banjir adalah di antara satu hingga 2.3 meter.

Keizrul berkata, bagi jangka sederhana, kerja menaik taraf kolam takungan dan ban kekal Kampung Kebun Bunga giat dijalankan, membabitkan kos mencecah RM8 juta dan dijangka disempurnakan menjelang 2007.

Di TTDI Jaya pula, kerja pembinaan rumah pam kekal TTDI Jaya sudah dimulakan, selain membina tembok penahan banjir yang baru menggantikan tembok lama yang dibina pemaju yang telah bocor dan dikhuatiri tidak selamat.

Bagaimanapun, beliau berkata, pihaknya sedar banyak perkara perlu dilakukan selepas mendapati Kampung Melayu Subang masih dilanda banjir dengan kejadian terbaru, dua minggu lalu.

Katanya, projek pelebaran dan penyenggaraan sungai meliputi kawasan Kampung Melayu hingga Kayu Ara sedang dijalankan dan diharap banjir di Kampung Melayu Subang dapat dielakkan.

Selain keupayaan sungai gagal menampung aliran air larian semasa yang meningkat, punca banjir juga dikenal pasti boleh berlaku akibat halangan dalam sungai yang disebabkan pembinaan paip lintasan utiliti.

Pembuangan sampah-sarap secara haram juga menjejaskan kapasiti sungai di samping mencemar dan memburukkan pandangan. Justeru, kesedaran semua pihak perlu bagi membendung masalah banjir.



**KERJA KERAS:** Dua pekerja mengangkat guni pasir bagi memperbaiki benteng Sungai Damansara yang pecah berikutan hujan lebat.

## FAKTA

### Sungai Damansara

Anak sungai utama	Panjang (km)	Luas Tadahan (km per)
Sungai Kayu Ara	13	42
Sungai Pelampas	9	22
Sungai Air Kuning	9.2	19.7
Sungai Rumput	8.5	17.7
Sungai Batu Tiga	4.3	6.8
Sungai Payong	4.5	7
Sungai Pelumut	5.5	5.5

### Projek jangka pendek:

(Peruntukan kerajaan)

Skop kerja	Kos (RM)	Status (%)
1. Membuang kelodak Sungai Damansara (11,430m dari Sungai Klang hingga Sungai Kayu Ara) dan Sungai Air Kuning 2,500m	3.9 juta	5
2. Membina semula benteng penahan banjir di TTDI Jaya	3 juta	40
3. Menyediakan Pelan Induk Tebatan Banjir Lembangan Sungai Damansara	4 juta	5
4. Menaik taraf saluran anak Sungai Damansara di Kampung Subang Ehsan	1.8 juta	Lembaga Tender
5. Mengubah suai kolam takungan	10 juta	Perancangan



**TERIMA KESAN:**Jalan di Taman TTDI Jaya digenangi air yang melimpah dari Sungai Damansara.